

**PKR Patut Akur Titah Yang Di-pertuan Agong Jangan Adakan Perhimpunan - Tan Bernama**  
**4 Jun, 2013**

ALOR SETAR, 4 Jun (Bernama) -- Ketua Pemuda Gerakan Kedah Tan Keng Liang berkata PKR patut menarik balik hasrat untuk menganjurkan perhimpunan pada 15 Jun ini atau pada masa akan datang sebagai menghormati titah Yang Di-Pertuan Agong supaya akur dengan keputusan pilihan raya umum ke-13 (PRU13).

"Kalau Seri Paduka Baginda (Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah) sudah bertitah, mengapa mereka nak teruskan lagi perhimpunan ini. Sekiranya teruskan juga, mereka boleh dianggap sebagai penderhaka kerana melanggar titah Seri Paduka Baginda," katanya pada sidang media di sini Selasa.

Beliau berkata seperti titah Yang di-Pertuan Agong, PKR patut akur dengan keputusan PRU13 yang telah ditentukan rakyat mengikut Perlembagaan Persekutuan.

Tan bimbang perhimpunan seperti ini akan menimbulkan kesangsian dan menghasut rakyat tentang keputusan PRU13.

Parti-parti dalam pakatan pembangkang seharusnya sama-sama membantu pembangunan negara dan mengekalkan keamanan bagi memastikan kesejahteraan rakyat dan negara, katanya.

Sempena Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong pada 1 Jun lalu, Seri Paduka bertitah supaya rakyat akur dengan keputusan PRU13 yang telah ditentukan oleh rakyat sendiri.

Mereka juga perlu menggunakan kaedah penyelesaian yang telah digariskan sekiranya terdapat perbezaan pendapat, tidak menanam kesangsian terhadap institusi yang telah diamanahkan untuk mengelolakan PRU dan sebarang perubahan politik perlu dilakukan secara aman mengikut prinsip Keluhuran Perlembagaan dan Kedaulatan Undang-Undang, titah Seri Paduka.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=954006>